

# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)



BAHAGIAN KEJURUTERAAN  
AUTOMOTIF

JABATAN PENGANGKUTAN  
JALAN MALAYSIA



TARIKH KEMASKINI : OGOS 2020

# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>Pengenalan</b>	2
<b>Tujuan</b>	2
<b>Pengubahsuaian Kenderaan OKU</b>	3
<b>Contoh Pengubahsuaian Kenderaan Mengikut Jenis Kecacatan</b>	
Ketidakupayaan Kaki	4
Ketidakupayaan Tangan	4
<b>Permohonan Ubahsuai Kenderaan Orang Kurang Upaya (OKU)</b>	
Syarat-syarat Permohonan	6
Prosedur permohonan	7

# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

## PENGENALAN

Pengubahsuaian pada sesebuah kenderaan perlu dilakukan untuk disesuaikan kegunaannya oleh OKU bagi memastikan pengubahsuaian yang dilakukan mematuhi peraturan yang ditetapkan dan selamat untuk digunakan oleh OKU, JPJ telah menetapkan prosedur permohonan pengubahsuaian kenderaan bagi kegunaan OKU.

## TUJUAN

- Memaklumkan kepada orang awam terutama golongan OKU berkaitan keperluan bagi memohon untuk mengubahsuai kenderaan.
- Memastikan pengubahsuaian dilakukan mematuhi peraturan-peraturan berikut:

Seksyen 5(1)(a) - Akta Pengangkutan Jalan 1987

Seksyen 12(1)(d) - Akta Pengangkutan Jalan 1987

Kaedah 94 - Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan Dan Penggunaan) 1959

# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

## PENGUBAHSUAIAN KENDERAAN OKU

Pengubahsuaian kenderaan OKU adalah bagi tujuan pemanduan oleh OKU atau kenderaan yang digunakan untuk membawa OKU sebagai penumpang. Keperluan bagi memohon untuk mengubahsuai kenderaan telah dinyatakan di dalam Seksyen 12(1)(d), Akta Pengangkutan Jalan 1987.

Pengubahsuaian kenderaan OKU boleh dibahagikan kepada pengubahsuaian minor dan pengubahsuaian major. Pengubahsuaian minor kebiasaannya melibatkan pemasangan peralatan bantuan dan aksesori yang disahkan selamat dan dapat berfungsi dengan baik manakala pengubahsuaian major adalah pengubahsuaian yang melibatkan perubahan pada *structural integrity*, sistem brek, sistem pecutan ataupun sistem kawalan kenderaan.

### Contoh Pengubahsuaian Kenderaan OKU

- Pemasangan *steering wheel spinner knob* yang dikeluarkan oleh pengedar yang sah
- Ubahsuai pedal kaki dan braket pedal



*Steering wheel spinner knob*



*Modified foot pedal*

# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

## CONTOH PENGUBAHSUAIAN KENDERAAN MENGIKUT JENIS KECACATAN

### **Ketidakupayaan Kaki**

Jika kenderaan tersebut mempunyai transmisi automatik dan pemandu boleh menggunakan *accelerator* dan brek dengan kaki kanan (ataupun kedua-dua belah kaki), pelarasan adalah tidak diperlukan. Bagaimanapun, jika hanya kaki kiri berfungsi, *accelerator* perlulah dipasang pada sebelah kiri brek kaki. Manakala, kenderaan yang mempunyai transmisi manual tidak digalakkan untuk digunakan kecuali pinggul, lutut, buku lali, kaki kedua-dua belah dan tangan dapat berfungsi seperti orang normal.



### **Ketidakupayaan Tangan**

Jika kenderaan mempunyai transmisi manual, pemandu hendaklah mempunyai keupayaan menggunakan dan mengawal ketangkasan kedua-dua belah tangan dengan baik. Penggunaan satu tangan adalah dianggap mampu untuk memandu kenderaan bertransmisi automatik, tetapi pemandu mestilah mampu untuk mencapai dan mengoperasikan kawalan kenderaan dengan baik termasuk gear. Penambahan peralatan pada sistem kawalan kenderaan mungkin diperlukan seperti pemasangan *steering wheel spinner knob* dan *power steering*.



# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

- Jika terdapat keperluan bagi mengubahsuai kenderaan, pemilik dinasihatkan supaya mendapatkan khidmat nasihat daripada pengeluar kenderaan atau mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang automotif terlebih dahulu.
- Pastikan peralatan, aksesori dan komponen yang digunakan pada kenderaan adalah disahkan selamat oleh badan-badan berkenaan.
- Selain itu, OKU tersebut dinasihatkan agar berbincang dan mendapatkan pengesahan daripada fisioterapi ataupun doktor bagi memastikan kesesuaian jenis kecacatan dan kebolehan untuk memandu kenderaan.
- Setelah mendapatkan khidmat nasihat daripada pakar, pemilik boleh memutuskan jenis pengubahsuaian yang diperlukan berdasarkan faktor keselamatan, kelesaan dan kos.



# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

## PERMOHONAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KURANG UPAYA (OKU)

### Syarat-Syarat Permohonan

1. Ubahsuai kenderaan untuk kegunaan Orang Kurang Upaya hanya boleh dipohon oleh pemilik berdaftar atau wakil dan boleh dibuat di Bahagian Kejuruteraan Automotif Ibu Pejabat atau Negeri.
2. Nombor siri Kad Kenalan Diri OKU yang dikemukakan mestilah bermula dengan abjad **PHxxxxxxx** dan mempunyai **kecacatan fizikal** sahaja.
3. OKU hendaklah mengemukakan salinan surat pengesahan daripada **Pegawai Perubatan Kerajaan** yang mengesahkan kelayakan seseorang OKU untuk memandu.
4. Sekiranya OKU telah memiliki **Lesen Memandu Kelas 'A'** atau **'A1'**, OKU boleh menyertakan salinan Lesen Memandu tanpa perlu mengemukakan salinan surat pengesahan daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.
5. Lesen memandu yang dimiliki oleh OKU mesti mengikut kelas kenderaan yang hendak diubahsuai.
6. Surat kebenaran daripada pemilik hendaklah disertakan jika kenderaan bukan hak milik OKU.
7. Ubahsuai hanya dibenarkan kepada kenderaan persendirian dengan Berat Tanpa Muatan tidak melebihi 3500 kg.
8. Ubahsuai hendaklah bersesuaian dengan jenis kecacatan OKU berkenaan.
9. Pemeriksaan kenderaan hendaklah dilakukan oleh pegawai Bahagian Kejuruteraan Automotif.
10. OKU hendaklah hadir bersama-sama kenderaan yang telah diubahsuai untuk pemeriksaan oleh Bahagian Kejuruteraan Automotif.
11. Laporan pemeriksaan pengubahsuaian kenderaan OKU hendaklah menggunakan format Laporan Pemeriksaan Kenderaan (Lampiran C).

# GARIS PANDUAN UBAHSUAI KENDERAAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

## Prosedur Permohonan

1. Menghantar permohonan Ubahsuai Kenderaan OKU bersama-sama dengan salinan dokumen melalui kaunter di Bahagian Kejuruteraan Automotif, JPJ.
2. Dokumen-dokumen seperti berikut perlu dibawa bersama semasa permohonan.
  - i. Borang Permohonan JPJOKU.
  - ii. Salinan Kad Kenal Diri OKU.
  - iii. Salinan Lesen Memandu Kelas 'A'. Jika tiada, sertakan salinan surat pengesahan / syor daripada Pegawai Perubatan Kerajaan.  
(Pemeriksaan Kesihatan Permohonan Lesen Memandu Orang Kurang Upaya, Bahagian V : Pengesahan Kelayakan)
  - iv. Surat kebenaran pemilik (jika kenderaan bukan hak milik OKU)
3. OKU perlu hadir bersama-sama kenderaan yang telah diubahsuai untuk pemeriksaan oleh pegawai JPJ.
4. Surat Kelulusan pengubahsuaian akan dikeluarkan setelah lulus pemeriksaan dan penilaian oleh JPJ.
5. Surat kelulusan ini hendaklah dibawa ke PUSPAKOM bersama dengan Sijil Pemilikan Kenderaan (VOC) untuk tujuan pemeriksaan kenderaan.
6. Pemilik/wakil perlu hadir semula ke Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri tidak lewat tiga (3) bulan dari tarikh surat ini dikeluarkan bersama laporan pemeriksaan PUSPAKOM bagi tujuan pindaan maklumat.